

30 NOV 2002

Ling-MCA

MCA DENGAR NASIHAT BN MENGENAI KEDUDUKAN DUA ADUN PULAU PINANG

KUCHING, 30 Nov (Bernama) -- MCA akan mendengar nasihat rakan-rakannya dalam Barisan Nasional (BN) terutama Umno mengenai kedudukan dua anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) MCA di Pulau Pinang kerana tidak menyokong keputusan BN negeri, kata Presidennya Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini.

"Kita sanggup dengar nasihat dari semua pihak dalam BN berhubung dengan masalah ini tetapi rakan-rakan kita juga harus menerima hakikat bahawa ini adalah masalah MCA dan kita harus bincang dahulu dalam parti," katanya kepada pemberita di sini selepas melawat projek pembinaan lapangan terbang Bintulu (LTB) di Bintulu.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas tindakan MCA berikutan desakan Umno supaya parti itu memecat Lim Boo Chang (Datuk Keramat) dan Tan Cheng Liang (Jawi) yang enggan mengundi menolak usul pembangkang supaya projek Jalan Lingkaran Luar Pulau Pinang bernilai RM1.02 billion ditangguhkan.

Kedua-duanya bertindak berkecuali ketika undian usul itu pada hari terakhir persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang minggu lepas.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno semalam berkata Umno mahu kedua-dua Adun itu dipecat.

Ditanya mengenai adakah MCA akan memecat kedua-dua Adun berkenaan, Dr Ling berkata: "Saya tidak mahu membuat sebarang spekulasi setakat ini".

Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan berkata MCA sanggup mendengar nasihat BN kerana BN merupakan sebuah keluarga besar yang sangat rapat hubungannya dan telah bekerjasama dalam banyak perkara kepentingan negara.

Mengenai LTP, beliau berkata projek bernilai RM385 juta itu sudah siap dan akan dirasmikan oleh Dr Mahathir pada 19 Dis ini.

"Bintulu memerlukan lapangan terbang yang besar kerana projek hidro-elektrik Bakun dan kilang aluminium akan dimulakan tidak lama lagi," katanya.

LTB yang baru akan membolehkan peralatan yang besar bagi kegunaan kedua-dua projek terbabit dibawa masuk melalui pengangkutan udara selain untuk menampung keperluan industri gergasi sedia ada seperti gas cecair asli, katanya.

Dr Ling berkata LTP yang mempunyai landasan terpanjang di Sabah dan Sarawak, berukuran 2,750 meter, siap setahun lebih awal daripada jadual dan boleh menerima pesawat Boeing 747.

-- BERNAMA

MT AT RHM